

Perkaitan antara faktor status sosioekonomi dan kualiti tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan menentukan perkaitan antara faktor sosioekonomi (umur ibu, pendidikan ibu, pendapatan bulanan keluarga dan bilangan anak) dan kualiti tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko. Seramai 201 orang ibu yang mempunyai anak berumur 11 tahun dan miskin dipilih sebagai responden kajian. Responden telah ditemubual secara bersemuka dengan menggunakan borang soal selidik. Kualiti tingkahlaku keibubapaan telah diukur menggunakan skala Supportive Parenting. Hasil kajian mendapati ibu yang berpendidikan tinggi dan mempunyai bilangan anak yang tidak ramai mengamalkan tingkahlaku keibubapaan yang positif. Kajian ini memberi implikasi bahawa pendidikan ibu dan bilangan anak mempengaruhi tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko.

Keyword: Socioeconomic status; Parental behaviour; At-risk family; Mother